

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur,

8hb. Februari, 1971.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1971

Tuan,

Penjelasan dan penerangan mengenai Pekeliling Pekhidmatan Bil. 7/70

Beberapa pertanyaan dan keraguan telah di-kemukakan oleh Ketua2 Setiausaha Kementerian / Ketua2 Jabatan mengenai [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#). Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ada-lah di-keluarkan untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai pertanyaan yang telah di-timbulkan itu.

2. Ketua2 Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan ada-lah di-minta mangambil perhatian terhadap penjelasan di-bawah ini dan sekira-nya perlu membetulkan sebarang kesilapan berhubung dengan pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#).

3. Tawaran Jawatan

Tawaran jawatan kepada chalun2 untuk jawatan Kerajaan yang di-buat sa-sudah 14.11.70 sepatut-nya hendak-lah mengikut tangga gaji dan sharat2 perkhidmatan baharu di-dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#). Tetapi mungkin ada tawaran jawatan yang telah di-buat mengikut tangga gaji lama. Di-dalam keadaan ini:-

- (a) sekira-nya tawaran telah di-buat dan di-terima di-dalam tempoh yang di-sharatkan (biasanya satu bulan), maka chalun2 itu hendaklah di-lantek di-atas tangga gaji lama dan di-tawarkan membuat pilihan sendiri untuk berpindah kepada tangga gaji baru Suffian.
- (b) Sekira-nya tawaran jawatan telah di-buat tetapi tidak di-terima di-dalam tempoh yang di-sharatkan, maka tawaran itu ada-lah batal dengan sendiri-nya. Tetapi sekira-nya Kerajaan maseh berkehendakkan chalun2 itu, ia hendak-lah di-tawarkan semula di-atas tangga gaji dan sharat2 perkhidmatan baharu Suffian.
- (c) Sekira-nya tawaran jawatan di-buat tanpa memberi sharat tempoh penerimaan, maka tawaran itu hendak-lah di-pinda sabelum 14.2.71 untuk di-sesuaikan dengan tangga gaji dan sharat2 perkhidmatan baru Suffian.

Walau bagaimana pun semua tawaran jawatan yang di-buat pada dan sa-telah 14.2.71 hendak-lah mengikut tangga gaji dan syarat2 perkhidmatan baru Suffian.

4. **Sharat2 jawatan konterek**

Perenggan 1 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#) menyatakan bahawa syarat2 perkhidmatan dan tangga gaji baharu Suffian tidaklah meliputi pekerja2 konterek. Oleh yang demikian, syarat2 perkhidmatan pegawai konterek yang sedang berkhidmat sebelum 14.2.71 tidak-lah di-ubah. Tetapi syarat2 konterek bagi pegawai yang akan di-lantek pada atau sa-telah 14.2.71 hendak-lah mengikut syarat2 perkhidmatan dan tangga gaji baru Suffian.

5. **Tarikh Kenaikan Gaji**

Bagi pegawai2 yang telah tersekat oleh Sekatan Peperiksaan Kedua di-dalam tangga gaji lama sa-hingga tarikh mereka membuat pilihan sendiri dan berpindah kepada tangga gaji baharu Suffian yang tidak mempunyai Sekatan Peperiksaan Kedua, tarikh kenaikan gaji di-dalam tangga gaji baharu itu ia-lah pada ulang tahun 1.1.70 ia-itu pada 1.1.71. Sabalek-nya mereka yang telah lulus peperiksaan selepas 1.1.70, tetapi sa-belum tarikh mereka membuat pilihan sendiri, mereka ada-lah di-benarkan berpindah daripada mata gaji mereka di-dalam sa-sudah lulus peperiksaan itu. Tarikh kenaikan gaji mereka di-dalam tangga gaji baharu ia-lah pada ulang tahun tarikh mereka lulus peperiksaan itu terta'alok kepada syarat-syarat [Perintah 'Am 24 Bab A](#).

Mithal:

- (i) Sa-orang pegawai kerani telah tersekat di-gaji \$260/- semenjak 1.12.68. Pada 1.1.70 ia berpindah kepada \$375/- (Tingkatan III). Tarikh kenaikan kepada \$400/- ia-lah pada 1.1.71.
- (ii) Sa-orang pegawai kerani telah tersekat di-gaji \$260/- semenjak 1.3.70. Pada 1.1.70 ia berpindah kepada \$375/- (Tingkatan III). Tarikh kenaikan kepada \$400/- ia-lah pada 1.1.71.
- (iii) Sa-orang pegawai kerani telah tersekat di-gaji \$260/- semenjak 1.2.70 tetapi telah lulus Peperiksaan Kedua itu pada 1.4.70 dan mendapat gaji \$300/- mulai daripada tarikh 1.4.70. Pada 1.1.70 ia berpindah daripada \$260/- kepada \$375/- (Tingkatan III) dan pada 1.4.70 ia

berpindah ka-gaji \$425/- (Tingkatan II). Tarikh kenaikan kepada \$450/- ia-lah pada 1.4.71.

6. Jawatan Pemangku, elaun pemangku dan elaun tanggungan kerja

Perenggan 46 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#) tidak memansokhkan, chuma mengubah-suaikan Pekeliling Pebendaharaan Bil. 16/54 berkenaan dengan elaun pemangku dan elaun tanggungan kerja. Oleh yang demikian semua jawatan2 pemangku boleh-lah di-teruskan. Walau bagaimana pun, peratoran2 di-bawah ini hendak-lah di-ikut mengenai jawatan pemangku:-

A. Jawatan2 yang tidak di-gredkan semula.

(i) Bagi pegawai yang memilih untuk berpindah ke-tangga gaji baharu

Pegawai yang sedang memangku di-benarkan terus memangku dan ia di-benarkan elaun pemangku berdasarkan Pekeliling Perben-

daharaan bil. 16/54 mengikut apa yang telah di-tetapkan ia-itu kadar-nya di-kira mengikut perbedzaan di-antara gaji berseh permulaan jawatan yang di-pangku dengan gaji berseh hakiki pegawai itu. Pegawai ini boleh di-bayar tunggakan mulai dari 1.1.70 jika ada; tetapi sekira-nya di-dapati ia telah di-beri bayaran terlebih semenjak 1.1.70, maka bayaran lebeh itu tidak di-pungut balek.

Mithal:

Pegawai Kerja bergaji \$672/- sa-bulan (gaji lama) yang berpindah kepada \$960/- sabulan (gaji baru) memangku jawatan Pegawai Kerja Kanan yang mempunyai gaji permulaan \$1,000 di-dalam tangga gaji baru. Mulai dari 1.1.70 elaun pemangku ia-lah \$40/- sa-bulan (perbedzaan antara \$1,000/- dengan \$960/-).. Mengikut perkiraan lama Pegawai ini telah mendapat elaun memangku sebanyak \$82/- (perbedzaan antara \$754/- dengan \$672/-). Pegawai ini telah di-bayar lebeh tetapi bayaran lebih itu tidak akan di-pungut balek. Pegawai ini hendak-lah di-bayar elaun kadar baharu ia-itu \$40/- mulai dari 1hb. bulan berikutan ia membuat pilihan sendiri.

(ii) Bagi pegawai yang memilih tidak berpindah ka-tangga gaji baharu tetapi memilih terus di-dalam tangga gaji lama.

- (a) Jawatan yang di-pangku ada-lah di-anggap maseh berada di-dalam tangga gaji lama sehingga 13.2.71. Dari 14.2.71 jawatan itu di-anggap di-pindahkan ka-tangga gaji baharu;
- (b) Pegawai yang sedang memangku ada-lah di-benarkan terus memangku. Kadar elaun pemangku ia-lah saperti kadar yang telah di-terima-nya sahingga 13.2.71 ia-itu mengikut perkiraan lama. Dari 14.2.71 kadar elaun memangku ada-lah perbedzaan gaji berseh permulaan jawatan yang di-pangku (mengikut tangga gaji baharu) dengan gaji berseh di dalam jawatan hakiki (mengikut tangga gaji baharu) pegawai itu yang senilai dengan gaji pokok pegawai itu di-dalam tangga gaji lama.

Mithal:

Pegawai Kerja menerima gaji pokok \$672/- (tangga gaji lama) rmemangku jawatan Pegawai Kerja Kanan (Gaji Permulaan \$754/- lama, dan \$1,000/- baharu).

Sehingga 13.2.71 ia menerima elaun memangku sebanyak \$82/- ia-itu perbezaan antara \$754/- dengan \$672/-.

Dari 14.2.71 ia menerima elaun memangku sebanyak \$40/- sa-bulan ia-itu perbezaan antara \$1,000 dengan \$960/- (Gaji berseh yang senilai dengan gaji pokok \$672/-).

(iii) Bagi Pegawai yang berpindah ka-tangga gaji baharu untuk penyandang

- (a) Pegawai yang sedang memangku akan di-benarkan terus memangku dengan di-beri elaun pemangku;
- (b) Kadar elaun pemangku ia-lah perbezaan antara gaji berseh permulaan jawatan yang di-pangku dengan gaji berseh (mengikut tangga gaji baharu) yang senilai dengan gaji berseh untuk penyandang yang di-terima oleh pegawai itu.
- (c) Tunggakan daripada 1.1.70 boleh di-bayar jika ada.

Mithal:

Pembantu Teknik (Tingkatan Biasa) bergaji \$640/- (lama) memangku jawatan Pembantu Teknik (Tingkatan Khas) yang mempunyai gaji permulaan \$754/- (lama).

Pembantu Teknik ini berpindah ka-gaji berseh untuk penyandang \$920/-. Gaji berseh permulaan jawatan Pembantu Teknik (Tingkatan Khas) ia-lah \$1,000/-

Elaun pemangku ia-lah perbezaan antara \$1,000/- dengan \$920/- ia-itu gaji berseh dalam tangga gaji baharu yang senilai dengan gaji berseh untuk penyandang pegawai itu.

B. Jawatan2 yang di-geredkan semula

Jawatan2 yang di-geredkan semula hendak-lah di-anggap sebagai di-geredkan semula ka-jawatan itu secara tetap se-olah2 ia berpindah ka-tangga gaji baru.

Mithal:

Jawatan Pegawai Kerani 'Am, Tingkatan Tertinggi 'A', 'B' dan 'C' hendak-lah di-anggap sebagai di-geredkan semula ka-jawatan Pegawai Kerja/ Pegawai Kerja Kira2.

Jawatan ini hendak-lah di-anggap sebagai jawatan khas untuk penyandang sehingga penyandang sekarang itu bersara, berhenti kerja atau di-tukarkan ka-jawatan lain. Salepas itu jawatan itu hendak-lah di-geredkan semula mengikut beban kerja dan tugas2 nya sama ada menjadi jawatan Pegawai Kerani atau Pegawai Kerja/Pegawai Kerja Kira2.

(i) Bagi Pegawai2 yang memilih berpindah ka-tangga gaji baharu

- (a) Pegawai yang sedang memangku boleh di-benarkan terus memangku;
- (b) Elaun memangku ada-lah di-kira atas kadar perbezaan antara gaji berseh permulaan jawatan yang di-pangku dengan gaji berseh hakiki pegawai yang memangku;

Mithal:

(i) Pegawai Kerani Tingkatan Khas memangku jawatan Pegawai Kerani Tingkatan tertinggi 'C'

Ia akan di-benarkan terus memangku Jawatan Pegawai Kerani Tingkatan-tertinggi 'C' di-anggap di-geredkan menjadi jawatan Pegawai Kerja/Pegawai Kerja Kira-kira. Pegawai Kerani Tingkatan Khas itu ada-lah berpindah ka-jawatan Pegawai Kerani Tingkatan I. Gaji berseh permulaan jawatan Pegawai Kerja ia-lah \$400/- sa-bulan. Gaji pegawai Kerani Tingkatan Khas, kata-lah \$560/- berpindah ka-gaji berseh \$773/- di-dalam tangga gaji Pegawai Kerani Tingkatan I. Oleh kerana gaji berseh hakiki Pegawai Kerani ini ada-lah lebeh daripada gaji berseh permulaan Pegawai Kerja, maka ia di-beri elaun sebanyak satu kenaikan di-dalam tangga gaji jawatan yang di-pangku ia-itu \$25/- sa-bulan.

(ii) Pegawai Kerani Tingkatan tertinggi 'B' memangku jawatan Pegawai Kerani Tingkatan tertinggi 'A'.

Pegawai itu berpindah menjadi Pegawai Kerja/Pegawai Kerja Kira-kira. Jawatan Pegawai Kerani Tingkatan tertinggi itu juga berpindah menjadi jawatan Pegawai Kerja Pegawai kerja Kira-kira. Oleh kerana itu tidak-lah timbul pemangkuan lagi. Dengan yang demikian, pegawai itu hendak-lah berhenti menerima elaun memangku mulai 14.2.71.

(ii) Bagi pegawai2 yang memilih tidak berpindah ka-tangga gaji baharu tetapi memilih terus berada di-dalam tangga gaji lama.

- (a) Pegawai yang sedang memangku akan di-benarkan terus memangku sehingga 13.2.71 sa-olah2 jawatan itu maseh di-dalam gered lama. Kadar elaun memangku ia-lah mnengikut kadar yang telah di-berikan kepada-nya;
- (b) Dari 14.2.71 jawatan itu ada-lah di-anggap sebagai di-geredkan semula mengikut gered pegawai yang menyandang sechara tetap, seolah2 ia berpindah ka-tangga gaji baharu. Pegawai itu akan di-benarkan terus memangku dan elaun pemangkuan-nya adalah atas kadar perbedzaan di-antara gaji berseh permulaan jawatan yang di-pangku dengan gaji berseh (mengikut tangga gaji baru) yang senilai dengan gaji pokok pegawai itu.

Mithal:

Pegawai Kerani, Tingkatan Biasa bergaji pokok \$420/- memangku jawatan Pegawai Kerani, Tingkatan Khas. Sahingga 13.2.71 jawatan itu di-anggap terus di-dalam gered lama ia-itu Pegawai Kerani Tingkatan Khas. Dari 14.2.71 di-anggap di-geredkan semula menjadi Pegawai Kerani, Tingkatan I.

Sahingga 13.2.71 Pegawai itu menerima elaun pemangku \$40/- (ia-itu perbedzaan antara \$560/- dengan \$520/-). Dari 14.2.71 kadar elaun pemangku ada-lah perbedzaan antara gaji berseh permulaan Pegawai Kerani Tingkatan I dengan gaji yang senilai dengan gaji pokok pegawai itu ia-itu perbedzaan antara \$600/- dengan \$575/- Tunggakan jika ada boleh di-bayar.

(iii) Bagi pegawai2 yang memilih untuk berpindah ka-tangga gaji baharu untuk penyandang.

Kedadaan ini ada-lah serupa dengan kes di-B(ii) di-atas.

7. Pesara2 yang di-ambil bekerja semula

- (a) Perenggan 19 [Pekeliling Bil. 7/70](#) menyatakan bahawa peggara yang di-ambil bekerja semula boleh menerima 4/5 daripada gaji bersehad yang senilai dengan gaji yang sedang di-terima. Perenggan 19 ini ada-lah **di-maksudkan untuk peggara2 yang telah di-lantek semula dan maseh di-dalam perkhidmatan pada atau sa-belum 14.11.70**. Mereka ini hendak-lah mendapat penyelarasan gaji mulai daripada tarikh 1.1.70 atau tarikh ia di-lantek semula mengikut mana yang terkemudian. Gaji-nya hendak-lah di-selaraskan supaya ia mendapat gaji 4/5 dari mata gaji yang senilai dengan gaji pokok yang telah di-berikan kepada-nya.

Mithal:

Pegawai Kerani yang telah bersara di-ambil semula bekerja dengan di-beri gaji 4/5 daripada \$300/- (lama). Mata gaji \$300/- ada-lah berpindah ka-\$425/- di-dalam tangga gaji baharu. Oleh itu peggara ini hendak-lah di-selaraskan gaji-nya supaya mendapat 4/5/ daripada \$425/- sa-bulan.

- (b) Syarat-syarat yang terkandung di-dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/59 ada-lah terus berkuatkuasa melainkan perenggan 4 yang di-batalkan kerana unsur elaun belanja hidup telah di-luputkan di-dalam tangga gaji baharu. Peggara yang di-lantek pada atau sa-telah 14.11.70 hendak-lah di-beri 4/5 gaji bersehad permulaan di-dalam keratan tangga gaji yang di-pilih mengikut prinsip perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/59.

8. Peggara2 yang memilih berpindah ka-tangga gaji baharu untuk penyandang.

Peggara2 yang memilih berpindah ka-tangga gaji baru untuk penyandang ada-lah terus tertalaok kepada syarat2 kenaikan gaji, sekatan pepereksaan yang di-kenakan di-dalam tangga gaji lama. Dalam lain2 perkataan sekira-nya di-dalam tangga gaji lama pegawai itu di-syaratkan lulus pepereksaan sa-belum menerima kenaikan gaji, maka di-dalam tangga gaji baharu untuk penyandang ia hendak-lah juga memenohi syarat tersebut sa-belum mendapat kenaikan gaji seterusnya.

Saya yang menurut perintah,

(Khalid Bin Haji Ismail)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua2 Setiausaha Kementerian.

Ketua2 Pengarah Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat Setiausaha2 Kerajaan Negeri Malaysia Barat.